

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID  
[ PADANG TERAP ]**

**SOALAN NO. 245**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan menjelaskan pendirian Kementerian terhadap kuota kemasukan Bumiputera bagi meneruskan program pengajian di institusi terbabit dan adakah di masa hadapan pihak Kementerian akan akur kepada desakan sesetengah pihak agar sistem kuota terbabit digantikan dengan sistem merit.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited untuk melaksanakan hasrat Kerajaan dengan memberi akses dan peluang pendidikan kepada yang layak untuk mengikuti Program Matrikulasi KPM dengan memberi keutamaan kepada golongan berpendapatan rendah (B40). Justeru, sebanyak 60 peratus tempat di Program Matrikulasi KPM diperuntukkan kepada pelajar daripada golongan B40 manakala baki 40 peratus diperuntukkan kepada pelajar daripada golongan M40 dan T20.

Dasar pengambilan pelajar ke Program Matrikulasi KPM dikekalkan kepada 90 peratus untuk pelajar Bumiputera dan 10 peratus untuk pelajar bukan Bumiputera selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 April 2019.

## **NO. SOALAN: 245**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian tidak mengamalkan sistem kuota di dalam pemilihan kemasukan pelajar ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan institut latihan kemahiran awam (ILKA). KPM mengamalkan sistem meritokrasi yang menggunakan 90 peratus markah akademik dan 10 peratus markah kokurikulum yang dilaksanakan bermula dari Sesi Akademik 2002/2003. Berdasarkan prinsip meritokrasi, semua calon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal diberi peluang untuk mengikuti pengajian di IPTA dan ILKA. Calon-calon yang layak dan memenuhi Syarat Am, Syarat Khas Program Pengajian serta kriteria pemilihan yang telah ditetapkan akan dipertimbangkan berdasarkan kepada pilihan program pengajian yang dipohon oleh calon.

Bagi Sekolah Berasrama Penuh (SBP) pula, ia diwujudkan bagi menyediakan suasana persekolahan yang terancang, terkawal dan kondusif bagi mengembangkan potensi murid yang cemerlang ke arah melahirkan modal insan berkualiti. Dasar dan syarat kemasukan murid ke SBP adalah daripada kalangan murid warganegara Malaysia yang bersekolah di Sekolah Kebangsaan. Ini selaras dengan usaha memperkasa Sekolah Kebangsaan yang diwujudkan bagi memastikan semua sekolah rendah yang berbahasa pengantar Bahasa Melayu menjadi sekolah pilihan utama masyarakat. Pengambilan murid juga turut memberikan keutamaan kepada murid daripada keluarga berpendapatan 40 terendah (B40) seluruh negara.